

# Pokok tumbang sudah berusia 50 tahun

**Kuala Lumpur:** Pokok yang tumbang sehingga menyebabkan seorang maut dan dua lagi cedera di Jalan Sultan Ismail di sini, kelmarin, dikenal pasti sudah berusia lebih 50 tahun.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), Dr Zaliha Mustafa, berkata pemeriksaan pokok-pokok di Kuala Lumpur dilakukan secara kerap oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan pemantauan dibuat dua tahun sekali.

“Kita kesan pokok yang tumbang itu adalah pokok lama berusia lebih 50 tahun yang berada bawah pemantauan pihak swasta.

“Kita juga telah mengenal pasti banyak pokok berusia sekitar 50 hingga 80 tahun di ibu negara yang mana pokok-pokok ini hanya menunggu masa untuk tumbang, lebih-lebih lagi dengan keadaan cuaca yang tidak menentu,” katanya ketika ditemui pemberita di lokasi kejadian, kelmarin.

Dr Zaliha berkata, DBKL juga akan melihat garis panduan yang perlu diambil berhubung pokok-pokok sudah tua berkenaan demi keselamatan orang awam.

Beliau berkata, pemantauan akan dilakukan bagi mengesan jumlah pokok tua yang ada di ibu negara.

“Buat masa ini, kita tidak ada data berapa banyak pokok tua tetapi pemantauan akan dilakukan,” katanya sambil memaklumkan perbincangan dilakukan berhubung pemberian pampasan kepada mangsa terbabit.

Sementara itu aktivis masyarakat, Gulam Muszaffar Ghulam Mustakim, berpandangan sudah sampai masanya pokok-pokok tua di sekitar ibu negara diaudit bagi memastikan tahap ketahanannya agar tidak mendatangkan bahaya kepada orang ramai, terutama pengguna jalan raya.

Beliau berkata, satu pangkalan data perlu diwujudkan bagi mengenal pasti status terkini semua pokok berkenaan yang kebanyakannya sudah berusia.

Katanya, data itu mencakupi elemen kecacatan, kesihatan, jangka hayat dan ketahanan pokok berkenaan sesuai dengan usia yang kebanyakannya dijangka sudah hampir 100 tahun serta memerlukan penjagaan khas.